

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2020

KERATAN AKHBAR

## Sungai Selangor tak terjejas

LUAS telah ambil sampel air tetapi tiada bau dan warna hitam dikesan

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF

SHAH ALAM

Insiden air Sungai Gong di sini bertukar hitam tengah hari kelmarin tidak menjejaskan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

telah mengambil sampel air di Sungai Sembah iaitu aliran sebelum masuk ke Sungai Selangor dan mendapati tiada bau dan tiada warna kehitaman.

Katanya, tiada tindakan henti tugas loji atau gangguan bekalan air dilaporkan setakat ini.

“Pasukan daripada LUAS dan Air Selangor sentiasa membuat rondaan serta pemantauan rapi setiap hari di Lembangan Sungai Selangor dan Lembangan Sungai Langat.

“Sebab itulah kita dapat menangani sebarang pencemaran dalam masa yang singkat,” ujarnya.

Kelmarin, LUAS mengaktifkan kod kuning sebaik menerima laporan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Gombak berhubung insiden air hitam di Sungai Gong.



Air di Sungai Gong yang bertukar hitam dalam kejadian kelmarin.

LUAS dalam satu kenyataan berkata, langkah awal dilakukan menerusi siasatan secara menyeluruh di kawasan berisiko yang boleh menyebabkan henti tugas Loji Pembersihan Air (LPA) utama di bahagian hilir Sungai Selangor.

**SUNGAI GONG BERTUKAR HITAM**

Menurut kenyataan itu, siasatan yang dijalankan di kawasan Inlet Kolam Tebatan Banjir JPS mendapati air sungai tersebut berwarna hitam, namun tiada bau dan disyaki disebabkan oleh pewarna.

Sementara itu, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) semalam menegaskan bahawa kejadian air hitam di Sungai Gong kelmarin bukan berpunca daripada pelepasan efluen Loji Rawatan Kumbahan Rawang Integrated Industrial Park (GBK134).

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,  
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM  
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

## IWK nafi jadi punca air Sungai Gong hitam

**KUALA LUMPUR** - Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) menegaskan kejadian air hitam di Sungai Gong, Rawang, Selangor kelmarin bukan berpunca daripada pelepasan efluen Loji Rawatan Kumbahan Rawang Integrated Industrial Park (GBK134).

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam berkata, petugas IWK di loji terbabit telah mengenal pasti kemasukan buangan buhari kumbahan berwarna kuning ke dalam kebuk masuk loji yang mengakibatkan efluen di peringkat proses akhir tercemar.

Justeru, katanya, petugas IWK terus menghentikan pelepasan discaj efluen dan operasi pembersihan segera dilaksanakan dan siap sepenuhnya semalam.

“Loji ini merupakan *oxidation ditch* (OD) *plant* yang bersambung kepada 11,106 penduduk setara yang hanya meliputi kawasan perindustrian.

“Kerja-kerja dos bahan kimia telah dilakukan bagi mengawal keadaan dan lokasi itu kini dalam pemantauan.

“Kami mengesyaki terdapat pembuangan sisa secara haram dan bahan terbabit mengalir ke dalam loji,” ka-



tanya menerusi satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, kenyataan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dalam satu

kenyataan kelmarin yang melaporkan air Sungai Gong menjadi hitam kerana terdapat pelepasan efluen dari loji IWK yang berbuih dan berwarna akan mengelirukan orang awam yang menuding jari kepada IWK walaupun punca sebenar disebabkan pembuangan sisa secara haram.

“Loji rawatan air kumbahan bertujuan merawat air sahaja tetapi bukan bahan kimia atau sisa lain yang dilepaskan ke dalam jajaran paip pembefungan.

“IWK kecewa kerana sering menjadi sasaran mudah kepada sebarang kejadian pencemaran air tanpa melaporkan maklumat secara menyeluruh,” katanya.

Jelasnya, IWK sentiasa memastikan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan di semua 7,000 loji selian IWK sentiasa mengikut spesifikasi serta prosedur yang telah ditetapkan pihak berkuasa.

“Pembuangan sisa haram bukan kumbahan satu kesalahan menurut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006),” katanya.

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,  
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM  
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800